

Pendidikan

Isnin, 20 September 2021

bhpendidikan@bh.com.my

Anda boleh begini di www.bharian.com.my

Bersediakah hadapi SPM?

Oleh Dr Noradilah Md Nordin



Pemayach Kanan, Pusat Sains Kemahiran, Universiti Malaysia Pahang

Sejauh mana tahap penguasaan calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun ini untuk menghadapi peperiksaan awam berkenaan menjelang Februari nanti? Adakah mereka mempunyai waktu mencukupi untuk melakukan persiapan sebelum menghadapi peperiksaan? Kerisauan ini timbul oleh kerana mereka adalah kelompok yang kurang mendapat peluang belajar secara bersemuka di sekolah berbanding calon SPM tahun 2020.

Secara umum, peperiksaan SPM dijangka akan diadakan pada bulan Februari bagi ujian amali dan bulan Mac bagi ujian bertulis tahun hadapan. Bagi mengatas persoalan ini ada beberapa aspek perlu dilihat sebelum membuat sebarang persepai dilihat.

1 Menilai semula keadaan pelajar yang mengambil peperiksaan SPM tahun 2020. Mengikut laporan yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Grad Parata Nasional (GPN) keputusan peperiksaan SPM tahun 2020 meningkat berbanding tahun 2019. Ini menunjukkan bahawa ketika pelajar berada dalam persekitaran pandemik prestasi keputusan pelajar SPM tetap meningkat. Jika dianalisa situasi ketika itu, ia adalah fasa awal pandemik dan penambahbaikan yang dilakukan oleh pihak KPM juga baru dirangka.

Oleh itu, terdapat pelbagai kerumitan yang terpaksa dilalui ketika itu seperti ketiadaan gadget, capaian internet yang lemah, persekitaran rumah yang tidak kondusif, kesedih Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PPdR) yang tidak stabil, guru-guru yang masih tidak bersedia dengan PPdR dan lain-lain lagi.

Namun hal ini berbeza dengan calon SPM tahun ini kerana mereka mempunyai lebih banyak kemudahan. Ditambah pula dengan penyediaan guru-guru yang semakin berstruktur dan seronong kerana sudah ada manual PMPR disediakan KPM yang boleh dijadikan panduan untuk memastikan pelajar dapat memahami kandungan pelajaran secara optimum.

Selain itu, pelajar juga mempunyai kemudahan nilai tambah seperti Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMA), TV Pendidikan, EduswebTV (koleksi video) dan Cigooutube. Nilai tambah ini seharusnya dapat dimanfaatkan oleh pelajar bagi meningkatkan lagi tahap pemahaman selain mengikuti kelas dalam talian yang disediakan oleh guru masing-masing. Malah, pelajar yang tercicir juga dikenal pasti dan diberi bantuan yang sewajarnya. Contohnya, pelajar yang tercicir oleh kerana ketiadaan kemudahan internet dan gadget dibantu dengan membekalkan mereka bahan-bahan PdP seperti nota dan latihan. Hal ini menjelaskan banyak kemudahan disediakan sebagai sokongan kepada murid untuk mengikuti PMPR.

Sebenarnya apa yang penting pada tahap ini adalah usaha daripada pelajar sendiri untuk lebih berdisiplin dan memanfaatkan kemudahan yang disediakan sebelum menjelang peperiksaan. Sebagai contoh, pelajar boleh membuat silang kaji tajuk yang belum dikuasai melalui pembelajaran secara video, membuat nota ringkas, membuat latihan tubi, berkomunikasi dengan guru tentang masalah dihadapi dan bersikap sabar serta tidak putus asa.

2 Tahap kesediaan calon

Walaupun pelbagai kemudahan PMPR disediakan kepada pelajar ketika tempoh PKP, pihak KPM perlu melihat juga tahap kesediaan calon apabila sekolah dibuka pada bulan Oktober nanti walaupun ia hanya membabitkan sebahagian negeri sahaja. Pemeliharaan ini penting kerana ia adalah penanda aras awal bagi menentukan sama ada peperiksaan itu boleh atau tidak dilaksanakan pada bulan Februari dan Mac tahun hadapan. Dalam hal ini guru memainkan peranan yang sangat penting, mereka perlu mengenal pasti pelajar yang tidak menguasai tahap minimum pembelajaran.

Terdapat pelbagai kaedah intervensi yang boleh dilakukan oleh guru untuk pelajar yang lemah seperti latihan berfokus, menggalakkan murid melihat contoh jawapan, memberi fokus kepada mereka semasa mengajar, mengadakan pertemuan secara terus untuk menyorotkan kesilapan yang dilakukan semasa menjawab soalan dan lain-lain lagi. Namun begitu, sekiranya terdapat ramai pelajar yang masih tidak menguasai tahap pembelajaran yang sepatutnya dan proses intervensi melibatkan lebih masa maka dengan ini KPM perlu mempertimbangkan semula tarikh peperiksaan.

3 Ambil kira perkembangan psikologi murid

KPM perlu juga mengambil kira tahap perkembangan psikologi sebagai petanda aras kesediaan calon pelajar SPM dalam menghadapi

peperiksaan. Dalam situasi ini, kerisauan pelajar adalah kurangnya peluang untuk belajar secara bersemuka di sekolah menyebabkan mereka tidak yakin akan kemampuan sebenar. Pelajar mungkin berasa cemas apabila memikirkan tempoh belajar bersemuka hanya tinggal lebih kurang empat atau lima bulan sahaja lagi sebelum peperiksaan bermula. Namun, sekiranya pelajar mempunyai disiplin mengulang kaji pelajaran sepanjang tempoh PKP, masa PMP bersemuka sebenarnya mencukupi untuk guru melakukan intervensi kepada pelajar.

Sebelum ini mereka sedaya dengan kaedah konvensional iaitu pembelajaran secara bersemuka dengan guru bukan sahaja mengajar tetapi memberi dorongan dan motivasi. Malah, mereka dapat berjumpa dan berinteraksi dengan kawakan di sekolah yang membantu mereka secara psikologi. Walaupun banyak kemudahan disediakan untuk mereka mengulang kaji pelajaran sepanjang tempoh PKP tetapi tahap persediaan mental calon perlu diambil berat oleh pihak KPM. Ini adalah selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan perkembangan pelajar secara holistik yang tidak hanya bertitik kepada perkembangan intelek malah aspek emosi juga harus ditrekatkan.

Sebenarnya apabila kita melihat daripada aspek psikologi calon, pelajar yang kurang bersemuka akan mudah hilang fokus dengan apa yang dipelajari dan tidak yakin akan kemampuan diri sendiri walaupun persiapan yang rapi telah dibuat. Malah, terdapat kajian empirikal menunjukkan bahawa tahap kerisauan yang tinggi akan mempengaruhi tahap penguasaan pelajar yang rendah dalam peperiksaan.

Selain itu, kita juga perlu peka bahawa pelajar sudah lama terpinggir berada di rumah dan berkemungkinan juga ada pelajar yang mengalami kelesuan emosi seperti berasa tercekam, kemurungan dan lain-lain lagi. Oleh itu, KPM dengan bantuan guru bimbingan dan kaunseling perlu membuat intervensi seperti menyediakan program khas berbeza-beda motivasi kepada calon sebagai persiapan menghadapi peperiksaan.

Kesimpulannya, cukup atau tidak masa untuk pelajar membuat persiapan peperiksaan bukan sahaja bergantung kepada kemudahan PMPR yang disediakan, program intervensi dan disiplin pelajar tetapi juga aspek persediaan mental perlu diambil kira.

Fokus

Guru memainkan peranan yang sangat penting, mereka perlu mengenal pasti pelajar yang tidak menguasai tahap minimum pembelajaran

